

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : SEMPENA PERASMIAN BENGKEL REFORMASI UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM SERTA PELAKSANAAN DAN PENTADBIRANNYA
Lokasi : MAKTAB KERJASAMA, PETALING JAYA
Tarikh : 04-01-1997

1. Syukur alhamdulillah kita dapat bersama pada hari ini untuk membincangkan undang-undang keluarga Islam serta pelaksanaan dan pentadbirannya. Saya mengucapkan terima kasih kepada National Council of Women Organisation (NCWO) kerana menjemput saya merasmikan bengkel ini. Seperti saudara-saudari juga, saya sangat mengambil berat tentang beberapa isu yang menyentuh kesejahteraan keluarga Islam.
2. Saya juga mengucapkan tahniah kepada NCWO yang mengambil inisiatif menganjurkan bengkel ini bersama-sama dengan Persatuan Peguam Wanita dan Sisters in Islam. Bengkel ini sangat tepat diadakan pada masa ini memandangkan kemelut dan polemik yang masih berlaku sejak teretusnya isu pindaan beberapa prosedur poligami baru- baru ini.
3. Kontroversi disekitarnya telah menyedarkan kita semua kepada keluhan beribu-ribu wanita Islam ketika menuntut keadilan bagi diri mereka dan anak-anak di Mahkamah Syariah di seluruh negara.
4. Saya berasa sangat sedih mendengar hasil kajian- kajian yang dilakukan oleh penyelidik Universiti yang menunjukkan ada kes-kes yang tidak menikmati keadilan seperti yang dituntut dalam Islam. Yang lebih sedih ialah wanita dan anak-anak yang terus menjadi mangsa. Ramai wanita terpaksa menunggu bertahun-tahun, naik turun mahkamah syariah, untuk menuntut cerai sungguhpun mereka mempunyai alasan yang diiktiraf undang-undang keluarga Islam seperti bukti suami sudah tidak memberi nafkah lebih dari empat bulan, atau mereka didera berulang kali, atau suami tidak berlaku adil dalam perkahwinan poligami.
5. Apabila mendapat hak bercerai, kisahnya masih belum selesai kerana terpaksa naik turun mahkamah lagi untuk menuntut nafkah pula. Tuntutan nafkah pun belum tentu dapat diselesaikan kerana bekas suami boleh menyatakan yang dia tidak mampu sungguhpun dalam masa itu dia sudah pun berkahwin semula dan mempunyai keluarga baru. Akibatnya wanita dan anak-anaklah yang terabai.
6. Mengenai poligami keadilan sangat ditekankan dalam Al-Quran. Tetapi dalam masyarakat kita, terdapat sikap yang menganggap poligami sebagai `hak' mutlak lelaki, sehingga isteri seolah-olah tidak ada hak langsung dalam perkahwinan itu dan kesan moral, emosi, sosial dan ekonomi dalam keluarga yang terlibat dengan poligami tidak dihiraukan langsung. Padahal perkahwinan adalah satu kontrak yang amat suci di antara seorang lelaki dan wanita. Bagaimanakah kontrak ini boleh dipinda-pinda secara adil jika suami tidak perlupun memaklumkan kepada isterinya hajatnya untuk berpoligami?
7. Berbagai-bagai alasan yang tidak masuk akal telah diberi untuk mempertahankan "hak" ini. Mula-mula dulu dihebohkan wanita lebih ramai daripada lelaki, tetapi Jabatan Perangkaan telah mengeluarkan maklumat dari banci penduduk dan perumahan tahun 1991, yang menunjukkan keadaan sebaliknya. Terdapat 103 orang lelaki bagi setiap 100 orang wanita kecuali bagi kumpulan umur 60 tahun ke atas.
8. Ada juga yang menyatakan poligami adalah cara untuk memenuhi nafsu lelaki secara sah. Masalah nafsu yang tidak boleh dibendung ialah kerana lemah iman. Tidak terdapat sebarang ayat pun di dalam Al-Quran yang menyarankan poligami sebagai satu penyelesaian bagi masalah nafsu tak terkawal. Sebaliknya ajaran Islam memberi penekanan kepada iman dan penggunaan akal untuk kawalan sendiri, disiplin dan kesucian rohani untuk mentaati perintah Allah Subhanahu wa Ta'ala.
9. Baru-baru ini terdengar pula hujah yang menyatakan keadilan itu relatif dengan makna keadilan itu boleh ditafsirkan mengikut kehendak masing-masing. Dalam mana- mana sistem perundangan pun keadilan bukan suatu konsep abstrak. Ia diberi piawaian yang didefinisikan secara objektif supaya orang biasa boleh memahaminya.

10. Di Malaysia, para ulama telah menentukan lima syarat poligami secara Qiyas, dan telah termaktub dalam deraf asal undang-undang keluarga Islam yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Undang-Undang Syariah yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan hasrat menyeragamkan undang-undang Islam untuk memastikan keadilan yang dituntut Al-Quran.

11. Tetapi malangnya tidak nampak pula pegangan kuat kepada syarat-syarat ini. Malahan ada negeri-negeri yang tidak mengenakan apa-apa syarat pun ke arah keadilan.

12. Kursus pra-perkahwinan juga menjadi punca penyebaran salah tanggapan mengenai poligami. Kursus-kursus ini sepatutnya menekankan perkara yang membantu bakal pengantin untuk mendirikan rumah tangga yang aman damai dan keluarga yang sejahtera serta hak dan tanggungjawab suami-isteri di bawah peruntukan undang-undang keluarga Islam.

13. Tetapi bagi bab poligami, saya sendiri telah mendengar kes di mana penceramah kursus bukan sahaja mempromosikan poligami tetapi mengajar bakal suami cara- cara mendiamkan isteri dan menyalahguna undang-undang keluarga Islam untuk tujuan poligami. Bukankah aneh perkara begini diajar kepada dua individu yang sedang berkasih sayang dan sedang merancang kehidupan bersama untuk mendirikan keluarga bahagia?

14. Mengapakah keadaan begini boleh berlaku di sebuah negara yang dianggap paling termaju dalam dunia Islam? Malaysia boleh berbangga kerana mempunyai suatu undang- undang keluarga Islam yang sangat progresif. Pada tahun 70-an dan 80-an Kerajaan Persekutuan telah melancarkan suatu program pembaharuan undang-undang keluarga Islam berdasarkan prinsip Al-Siyasa Al-Syar'iyya untuk memastikan suatu sistem yang adil seperti yang dituntut Al-Quran.

15. Pembaharuan undang-undang ini memberi banyak perlindungan kepada wanita dan keluarga: umpamanya wanita boleh menuntut cerai fasakh di atas 12 alasan, cerai taklik jika suami tidak memberi nafkah selama 4 bulan atau menderanya; wanita juga boleh menuntut muta'ah jika diceraikan tanpa alasan dan boleh menuntut harta sepencarian. Nampaknya hak-hak ini hanya tertinggal dalam buku undang-undang dan tertinggal di kertas sahaja.

Jelas bahawa beberapa perkara sudah menjadi tidak betul.

16. Salah satu masalah ialah ketidakseragaman undang- undang keluarga Islam di negara ini. Beberapa negeri telah membuat pindaan yang mencabuli isi yang asal serta semangat pembaharuan undang-undang ini. Ada yang menggugur peruntukan atau syarat, dan ada pula yang menambah pindaan yang memundurkan sehingga hak wanita dan anak-anak mereka terhakis, terutama dalam perkara seperti poligami dan penceraian.

17. Pindaan ini menimbulkan peraturan yang berbeza-beza.

Ini memberi kesempatan kepada orang tertentu menyalahgunakan peraturan yang berbeza-beza ini, terutama dalam peruntukan poligami, dimana suami yang tidak diberi kebenaran berpoligami di sesuatu negeri dapat mencapai hajatnya di negeri yang lain. Kemudiannya beliau dapat pula mendaftarkan perkahwinan poligami ini di negeri yang dulunya tidak memberi kebenaran, dengan hanya hukuman denda dan/atau penjara.

18. Ada juga kemungkinan sebuah keluarga lagi dibangunkan tanpa pengetahuan keluarga pertama kerana ada negeri yang tidak langsung memanggil isteri ke Mahkamah Syariah. Kes perkahwinan antara adik-beradik lain ibu sudah pun berlaku. Kita berada dalam satu negara, Malaysia dan agama rasmi ialah Islam. Tetapi mengapakah satu negara mempunyai banyak ragam undang-undang keluarga Islam? Adakah kita akan terus rela hukum Allah dipermainkan dan dijadikan bahan ketawa dan salahguna? 19. Sudah sampai masanya peruntukan undang-undang serta peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang termaktub dalam enakmen undang-undang keluarga Islam setiap negeri diselaraskan dan ditadbirkan di bawah satu Mahkamah Syariah Persekutuan demi keadilan bagi semua keluarga Islam.

20. Masalah yang kedua ialah sikap dan etika dalam pelaksanaan dan pentadbiran undang-undang ini. Pada hemat saya, pelaksanaan undang-undang dan cara pentadbirannya sungguh penting. Di sinilah selalunya timbul isu-isu keadilan. Biasanya undang-undang digubal dengan teliti dan adil, tetapi dalam pelaksanaannya manusia menipu masuk berbagai-bagai perspektif individu, sikap perseorangan, tradisi dan prasangka yang tidak boleh diterima akal. Akibat daripada salah sikap ini, pelaksanaan undang-undang serta pentadbirannya menjadi kurang prihatin dan "less caring". Ini dirasakan sangat oleh kaum wanita yang merasa diri mereka tidak mendapat keadilan dari Mahkamah Syariah.

21. Wanita merupakan pelanggan utama Mahkamah Syariah. Kajian-Kajian yang dibuat juga telah menunjukkan wanitalah yang mengalami kesengsaraan ketika menuntut keadilan bagi diri mereka dan anak-anak di mahkamah ini. Dalam melaksanakan peraturan yang termaktub di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam, Pegawai Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah perlu lebih peka dan memberatkan keadilan. Akauntabiliti dalam keputusan Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam perlu dijadikan etika kerja. Hanya dengan mendapat maklumat yang kukuh sahaja, umpamanya daripada proses audit dapat kita menilai samada setiap keputusan telah dibuat dengan adilnya dan dengan itu menentukan "Benchmark".

22. Di saat-saat kita mementingkan agenda sosial dan pembangunan keluarga yang kukuh, sebagai teras pembangunan negara secara seimbang, keadaan yang tidak membayangkan keadilan dan boleh membawa kepada keruntuhan institusi keluarga dan masalah sosial yang berpunca dari keluarga yang runtuh, perlu diperbetulkan dengan segera. Perkahwinan tidak boleh dianggap perkara yang mudah. Ia melibatkan institusi kekeluargaan dan tanggungjawab yang serius. Semua pihak perlu mengambil berat tentang tanggungjawab ini.

23. Semasa mendirikan rumahtangga buat pertama kali, setiap pasangan diperlukan lulus kursus pra-perkahwinan dan keturunannya diselidik untuk menjamin zuriat yang sihat demi kesinambungan keluarga Islam yang kukuh, bahagia dan harmoni. Prosedur menyenangkan poligami, menyukarkan tuntutan cerai dan nafkah, seolah-olah mengenenipkan soal-soal ini dan menggalakkan sikap tidak bertanggungjawab di kalangan suami Islam. Apakah perasaan isteri dan anak-anak yang mengetahui perkahwinan ayah daripada pihak yang lain? Adakah mungkin keadaan begini boleh memupuk nilai murni kekeluargaan seperti saling menghormati, kasih sayang, ikhlas dan berterus-terang dalam keluarga?

24. Undang-undang serta enakmen negeri yang telah digubal sangat tepat namanya - iaitu Undang-undang Keluarga Islam. Oleh yang demikian, pertimbangan yang paling penting dalam reformasi undang-undang ialah kesejahteraan unit keluarga ini. Apa sahaja peruntukan yang dibuat, dan pelaksanaannya mestilah menjamin kesejahteraan keluarga, menekan tanggungjawab ibu-bapa dalam pimpinan dan bimbingan keluarga, menjaga martabat setiap ahli, menggalakkan silaturahmi dan memberi keadilan kepada semua pihak yang terlibat - baik suami, isteri atau anak-anak.

25. Setiap ahli keluarga mempunyai hak dan tanggungjawab. Dalam menjamin hak, tanggungjawab masing-masing perlu juga diperjelaskan. Hak-hak yang menggugat kestabilan institusi keluarga perlu dinilai semula untuk memastikan "hak" ini tidak memudaratkan ahli keluarga lain terutamanya kaum wanita dan anak-anak. Jangan sekali-kali dibolehkan keadaan di mana satu pihak digalakkan mendapat hak tanpa tanggungjawab dan pihak yang lagi satu, biasanya si isteri, disuruh memikul berbagai-bagai tanggungjawab tanpa diberi haknya.

26. Reformasi memerlukan tindakan yang menyeluruh.

Perwujudan undang-undang sahaja tidak akan menjamin keadilan. Masyarakat juga perlu mempunyai sikap yang saling menghargai dan menghormati semua ahlinya, lelaki dan wanita. Ini bukan perkara yang sukar kerana setiap insan pasti mempunyai ibu dan bapa, kakak dan abang, isteri dan suami, anak lelaki dan anak perempuan.

27. Jadi mengapakah masih terdapat sikap yang meletakkan wanita ditaraf yang rendah dan amalan menyalahkan wanita bagi semua masalah yang berlaku dalam keluarga dan masyarakat kita? Di

manakah diletakkan nilai perkongsian dan tanggungjawab bersama dalam keluarga? Di manakah ditekankan tanggungjawab bapa untuk menunjuk contoh tingkahlaku yang baik bagi keluarganya?

28. Proses mengubah sikap memang mengambil masa yang lama tetapi boleh dipercepatkan jika kita semua bertekad untuk mengubah keadaan. Pemimpin-pemimpin peringkat negeri, ahli parlimen, ahli politik, tokoh masyarakat, penyunting akhbar, tokoh agama dan penerbit radio dan TV perlu lebih bertanggungjawab dalam pertuturan dan penulisan mereka. Sebagai "opinion leaders" mereka harus berhati-hati memberi pendapat. Jangan terburu-buru dan secara angkuh mengkritik atau memihak dalam isu-isu keluarga dan undang-undang keluarga Islam. Tugas kita bukan untuk bertelingkah dan bertengkar tetapi untuk mencari jalan yang seadilnya bersama-sama untuk membina keluarga Islam yang bahagia dan produktif.

29. Kita sekarang berada diambang abad ke 21 - Abad yang akan dipenuhi dengan perubahan yang cepat dan menakjubkan. Perubahan-perubahan ini akan mencabar nilai asas seperti kekeluargaan. Kita perlu bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini dengan memastikan nilai yang kita hargai tidak terkikis.

30. Bengkel ini sangat penting. Dengan mengutamakan prinsip musyawarah yang disanjung tinggi oleh Islam bengkel ini akan memberi peluang kepada semua untuk mengkaji semula semua peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keluarga Islam serta pelaksanaannya, dan mencapai kata sepakat demi melindungi dan membina suatu keluarga Islam yang bahagia, di mana hak dan martabat setiap ahli keluarga terpelihara. Usaha ini juga akan membantu Kerajaan dalam usaha mempergiatkan lagi inisiatif untuk memperkukuhkan institusi keluarga dan nilai-nilai kekeluargaan.

31. Saya berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga kita akan dicurahi rahmat dan ditunjukkan jalan yang benar. Dengan lafaz Bismillahir rahman nirrahim saya dengan ini merasmikan Bengkel Reformasi Undang-undang Keluarga Islam serta Pelaksanaan dan Pentadbirannya.